

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN NOR AZRINA BT. SURIP (MERBOK)

SOALAN

PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [MERBOK] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah warga asing yang terkini di tahan di 14 depot Jabatan Imigresen di seluruh negara serta jumlah perbelanjaan Kerajaan dalam saringan COVID-19 kepada warga asing tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 bagi membendung penularan wabak Covid-19 di negara ini, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah membelanjakan sebanyak RM96 juta bagi kos reagen dan *test kit* untuk ujian saringan Covid-19 termasuk saringan terhadap warga asing.

Manakala bagi jumlah tahanan warga asing di 14 buah Depot Tahanan Imigresen di seluruh negara yang direkodkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) pada 2 Julai 2020, jumlah tersebut adalah seramai 15,281 orang.